



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	6/1/2020	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	KATS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Perlu kemuka mekanisme jika tak setuju tarif air naik

Penting bagi memastikan kadar simpanan air terawat negeri mencukupi dan tidak memberi masalah pada masa depan

Oleh HASNIZA HUSSAIN

KLANG

Negeri-negeri yang masih tidak bersetuju dengan rancangan untuk menaikkan tarif air perlu tampil dengan satu mekanisme yang boleh menjamin kualiti perkhidmatan dan bekalan air terawat secara berterusan kepada semua penggunaanya.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar berkata, perkara ini sangat penting bagi memastikan kadar simpanan air terawat negeri mencukupi dan tidak memberi masalah pada masa depan.

"Difahamkan Negeri Sembilan kata mereka tidak akan naikan tarif air, bagaimana?"

"Jika mereka tak mahu laksanakan kenaikan tarif air, perlu ada mekanisme lain dan bawa kepada kementerian untuk tunjukkan tidak akan ada masalah dalam Negeri Sembilan atau negeri-negeri lain dalam tempoh lima tahun akan datang,"katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas program Restorasi, Tebus Guna dan Rehabilitasi melalui Penanaman Pokok di Kolam Tadahan Taman Bandar Botanik di sini semalam.

Kelmarin, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin



FOTO: BERNAMA

Xavier (tengah) menuang tanah sebagai simbolik perasmian program Restorasi, Tebus Guna dan Rehabilitasi Melalui Penanaman Pokok di Klang semalam.

Harun berkata, tarif air di negeri itu masih kekal pada kadar sama dan tiada sebarang kenaikan bagi tempoh lima tahun ini.

Malah, katanya, perkara tersebut terkandung dalam manifesto Pakatan Harapan (PH) Negeri Sembilan.

Bagaimanapun, Xavier berkata, ada beberapa negeri sudah bersetuju dengan cadangan kenaikan tarif air tersebut dan ia akan dibawa ke Kabinet untuk kelulusan serta akan diumumkan dalam masa terdekat.

Menurutnya, kementerian juga mengenal pasti negeri-negeri kritikal berikutan kadar simpanan air terawat rendah dan akan terus berbincang dengan negeri-negeri yang masih belum bersedia melaksanakan kenaikan tarif air yang akan dilaksanakan tahun ini.

"Jika kita tidak buat apa-apa dalam tempoh lima tahun, pasti akan ada masalah besar dalam negara dan kementerian akan cuba mengatasi

dengan program-program melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang akan datang.

"Saya boleh janji, kalau kerjasama daripada negeri dan semua pihak diberikan dalam tempoh lima tahun dari sekarang, isu krisis air akan dapat diatasi, selain merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030,"katanya.

Selain itu, Xavier turut mengakui cabaran terbesar dihadapi kementeriannya adalah untuk mendapatkan bajet mencukupi bagi meningkatkan taraf atau perkhidmatan industri air dalam negara.

Justeru, katanya, semua pihak perlu faham dan memberi kerjasama berhubung kenaikan tarif dan memahami industri air perlu mewujudkan bajet besar untuk memastikan bekalan air sepanjang tahun kepada pengguna, selain tidak boleh memiliki kadar simpanan air terawat yang rendah di semua negeri.